

PEMANTAPAN AMALAN ASAS KEROHANIAN ISLAM UNTUK PEMELIHARAAN *HABLUM MINANNAS*

STRENGTHENING THE BASIC PRACTICES OF ISLAMIC SPIRITUALITY FOR THE PRESERVATION OF HABLUM MINANNAS

Mohd Rohaizad Nasir¹
Azrin Ibrahim^{2*}

¹ Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), 11800 Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
Emel: izad7980@gmail.com

^{2*} Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), 11800 Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
Emel: azrinibrahim@usm.my

Article history

Received date : 11-11-2022
Revised date : 12-11-2022
Accepted date : 25-12-2022
Published date : 27-12-2022

To cite this document:

Nasir, M. R., & Ibrahim, A. (2022). Pemantapan Amalan Asas Kerohanian Islam untuk Pemeliharaan Hablum Minannas. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(51), 87 - 96.

Abstrak: *Kecanggihan Sains dan Teknologi kini memberi banyak kemudahan kepada masyarakat dalam menjalani kehidupan seharian lebih-lebih lagi terhadap aspek perhubungan. Masyarakat mudah dan bebas untuk berhubung antara satu sama lain tanpa mengenal batas dan jarak perhubungan. Walau bagaimanapun, kemudahan ini juga boleh memberi implikasi negatif ke atas hablum-minannas jika penggunaannya melangkaui batasan syariat. Untuk melahirkan masyarakat yang cakna dan patuh kepada syariat, maka amalan asas kerohanian perlu dimantapkan. Namun, timbul persoalan. Apakah amalan-amalan asas kerohanian dalam Islam? Bagaimanakah pemantapan amalan asas ini boleh memelihara hablum minannas? Sehubungan dengan itu, kertas kerja ini berhasrat untuk meneliti dan menganalisis amalan asas kerohanian Islam untuk pemeliharaan hablum minannas. Kertas kerja ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kajian dokumen bagi mendapatkan data-data sekunder dan kemudiannya dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil analisis mendapati banyak amalan asas kerohanian Islam yang boleh diamalkan untuk meningkatkan iman dan membentuk akhlak yang baik sekaligus mampu membentuk masyarakat yang sensitif dalam pemeliharaan hablum minannas.*

Kata Kunci: *Amalan Asas Kerohanian, Perhubungan, Hablum Minannas*

Abstract: *The sophistication of Science and Technology nowadays provides a lot of convenience to the community in living their daily lives, especially in terms of relationships. The community is easy and free to connect with each other without knowing the boundaries and distance of the relationship. However, this facility can also have negative implications on hablum-minannas if its use exceeds the limits of Sharia. In order to create a society that is transparent and obeys the Shari'a, the basic spiritual practices need to be strengthened. However, a question arises. What are the basic spiritual practices in Islam? How can strengthening these basic practices preserve hablum minannas? Thus, this paper intends to examine and analyze the basic practices of Islamic spirituality for the preservation of hablum minannas. This paper is done by using the document study method to obtain secondary data*

and then analyzed using the content analysis method. The results of the analysis found that there are many basic Islamic spiritual practices that can be practiced to increase faith and form good morals while also being able to form a society that is sensitive in the preservation of *hablum minannas*.

Keywords: *Basic Spiritual Practices, Relationships, Hablum Minannas*

Pendahuluan

Penularan wabak *Virus Corona* pada tahun 2019 (*Covid-19*) yang lalu telah banyak mengubah norma kehidupan manusia kepada norma baharu (World Health Organization, 2020). Pelbagai corak atau gaya kehidupan baharu yang perlu disesuaikan bagi menghentikan penularan wabak tersebut seperti penjarakan sosial sesama individu, memakai pelitup muka, penggunaan *hand sanitizer* dan pengambilan suhu badan setiap kali berurusan. Dengan penyesuaian norma baharu tersebut, manusia tersekat daripada berhubung secara bebas antara satu dengan yang lain seperti kebiasaannya. Manusia hanya dapat berhubung menerusi telefon atau juga dikenali sebagai komunikasi jarak jauh dalam mengadakan perhubungan sosial khasnya termasuk membeli barang-barang keperluan asas. Dengan norma baharu tersebut pelbagai aplikasi dibina dan digunakan bagi memudahkan masyarakat berhubung seperti aplikasi *Facebook, Whatsapp, Telegram, Instagram* dan lain-lain termasuk kemudahan pembelian barang-barang keperluan asas menerusi talian *Food Panda, Shopee, Lazada, Grab Food* dan banyak lagi khasnya di Malaysia. Kesemua aplikasi tersebut memudahkan manusia menjalani kehidupan norma baharu pada masa ini termasuk pelajar-pelajar sekolah yang diberi pendidikan secara atas talian di rumah.

Dengan kemudahan yang ada tersebut, manusia kadang kala alpa atau terlepas norma-norma atau akhlak dan adab perhubungan antara manusia (*hablum minannas*). Ini mungkin disebabkan perhubungan di dalam talian itu lebih mudah dan tidak menonjolkan wajah atau rupa si penulis. Hak kebebasan bersuara itu terlalu bebas sehingga memberi implikasi yang negatif dalam kalangan masyarakat. Perkara ini jelas dapat dilihat menerusi berita-berita *viral* yang dimuat turun dalam internet. Pelbagai rasa tidak puas hati dipersoal dan diluahkan termasuk menyangkal kenyataan-kenyataan yang diberikan oleh pihak kerajaan dan juga para alim ulama' (Muhammad Zulkarnain, 2021). Manusia dengan mudah memberi hukuman terhadap sesuatu perkara yang bertentangan dengan kepuasan hati tambahan pula berada di dalam keadaan tekanan di musim *Pandemik Covid-19* ini. Selain itu, wujud juga segolongan masyarakat yang suka menyebarkan berita-berita palsu sehingga menimbulkan keadaan panik dalam kalangan masyarakat (Rohaniza Idris, 2020).

Justeru itu, makalah ini cuba melihat sejauh mana Islam mendidik manusia menerusi pemantapan amalan asas kerohanian dalam menjaga dan mengawal emosi serta akhlak bagi menghadapi hubungan sesama manusia (*hablum minannas*). Hal ini disebabkan manusia itu dilengkapi dengan empat unsur penting dalam diri yang terdiri daripada *al-nafs, al-aql, al-qalb* dan *al-ruh* di mana adanya nafsu untuk berkehendak; akal untuk berfikir; kalbu untuk berperasaan dan roh iaitu nyawa yang ditiupkan dalam diri manusia semasa penciptaannya (Muhammad Syukri Salleh, 2003). Unsur-unsur ini yang menentukan keperibadian seseorang manusia baik dari segi luaran mahu pun dalaman. Unsur pembangunan rohani atau juga dikenali sebagai *spiritual* merupakan sesuatu yang penting dalam menentukan ketetapan iman, keutuhan jiwa, dan juga kemuliaan akhlak individu (Che Zarina Sa'ari & Joni Tamkin Borhan, 2003).

Metodologi

Istilah metodologi memberi erti sains atau kajian mengenai kaedah, terutama sekali dalam bidang ilmiah dan juga ditakrifkan sebagai suatu ilmu mengenai kajian dalam mentadbir sesuatu bagi mencapai matlamat yang dirancang (AS Hornby et.al., 1980). Menurut Cohen, Manion & Marrison (1996) pula menyatakan kaedah penyelidikan merupakan suatu pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan akademik secara sistematik yang melibatkan reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisan data.

Reka bentuk kajian ditakrifkan sebagai sebuah perancangan sistematik yang menentukan cara penyelidikan atau kajian yang dijalankan untuk mencapai objektif penyelidikan (Sulaiman Masri, 2005). Secara dasarnya, terdapat dua reka bentuk kajian dalam bidang *Sains Sosial* iaitu kajian berbentuk kualitatif yang bersifat data bukan bernombor atau *non-numerical* dan kajian berbentuk kuantitatif yang bersifat data bernombor (Dawson, 2002). Memandangkan kajian ini merupakan kajian kualitatif, maka reka bentuk kajian ini bersifat penjelasan (*explanatory research*). Kajian penjelasan merupakan kajian menerangkan sebab-sebab dan alasan berlakunya sesuatu keadaan (Adler & Clark, 2011, McNabb, 2013).

Sumber kajian berkaitan pemantapan amalan asas kerohanian Islam untuk pemeliharaan *hablum minannas* ini diperolehi secara totalnya menerusi kajian dokumen ke atas sumber utama daripada kitab suci *al-Quran* dan *Hadith* diikuti sumber sekunder daripada artikel, jurnal, tesis, laporan dan lain-lain penulisan yang berkaitan termasuk laman sesawang badan-badan kerajaan mahu pun bukan kerajaan. Sumber-sumber dianalisis secara analisis kandungan dan dirumuskan mengikut kesesuaian kertas kerja ini.

Hablum Minannas

Islam mengajar manusia untuk menjaga keseimbangan dalam hubungan. Terdapat dua jenis hubungan dalam kehidupan manusia iaitu hubungan *Hablum Minallah* dan hubungan *Hablum Minannas*. *Hablum Minallah* merupakan suatu hubungan antara manusia dengan Allah SWT di mana beriman hanya kepadaNya manakala *Hablum Minannas* pula adalah suatu hubungan antara manusia sesama manusia. Hal ini disebabkan manusia perlu kebergantungan terhadap kedua-dua hubungan ini dan ianya juga merupakan suatu perintah Allah SWT yang diturunkan menerusi firmanNya pada surah an-Nisa ayat 36.

TerjemahanNya:

“Beribadahlah Allah dan janganlah kamu mempersukutkan-Nya dengan sesuatu pun. Dan berbuat baiklah kepada dua orang ibu bapa, karib kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, tetangga yang dekat dan tetangga yang jauh, teman sejawat, Ibnu Sabil, dan hamba sahayamu. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang sombong dan membangga-banggakan diri.”

(Surah an-Nisa: 36)

Menurut tafsir Ibnu Katsir, ayat di atas jelas menunjukkan keperluan manusia untuk beriman kepada Allah SWT tanpa menyekutukanNya dan menjaga hubungan sesama manusia bagi mendapat keseimbangan dan kesempurnaan hidup di dunia dan di akhirat. Hubungan yang dimaksudkan di atas menyatakan sikap sombong dalam diri, bangga, angkuh dan sombong pada orang lain serta merasakan dirinya lebih baik dan lebih besar daripada orang lain yang mendapat kemurkaan Allah SWT.

Sehubungan dengan itu, kertas kerja ini cuba melihat kepentingan amalan asas kerohanian Islam dalam memelihara hubungan sesama manusia (*hablum minannas*) pada masa ini. Hal ini disebabkan segala dorongan tingkah laku manusia yang cemerlang banyak dipengaruhi oleh faktor dalaman seperti aspek kerohanian dan keagamaan serta faktor luaran iaitu persekitaran dan komunikasi yang berkesan (Ahmad Zabidi Razak, 2006).

Amalan Asas Kerohanian

Keagamaan dan kerohanian adalah aspek penting dalam pembentukan peribadi individu yang memainkan peranan dalam pembangunan sahsiah dan identiti negara (Najib Razak, 2017). Kenyataan mantan Perdana Menteri Malaysia yang ke enam itu turut menyatakan kepentingan kepercayaan kepada tuhan bagi menjadikan ianya nadi kepada pembinaan jati diri rakyat Malaysia dalam membentuk kehidupan yang sejahtera.

Menurut Norhayati Paradi (2014) amalan asas merupakan perkara-perkara asas yang mana ianya bermula pada peringkat permulaan atau langkah mula bagi sesuatu perkara. Sebagai contoh, permulaan kehidupan bagi seseorang kanak-kanak perlu di mulai dengan mengenal huruf dan angka, membaca, mengira dan seterusnya kepada hal-hal yang lebih jauh dan mendalam. Tanpa perkara asas ini, akan menyukarkan seseorang individu itu untuk mengorak langkah yang lebih jauh. Hal ini turut disesuaikan dalam ibadah. Perlunya amalan-amalan asas terlebih dahulu sebelum ke arah amalan yang lebih mendalam khasnya pembentukan kerohanian dalam diri.

Menurut al-Ghazali (2000), kerohanian itu telah dilengkapi kepada setiap manusia menerusi unsur-unsur rohani yang terdiri daripada *al-nafs*, *al-aql*, *al-qalb* dan *al-ruh* sepertimana penjelasan yang dijelaskan oleh Muhammad Syukri Salleh (2003) berkaitan keperluan unsur-unsur tersebut. Kesemuanya berkait dengan dalaman hati, jiwa, perasaan dan emosi manusia yang membawa kepada tindakan luaran. Segala tindakan atau perbuatan yang lahir itu bergantung kepada tahap kawalan dalaman diri seseorang manusia menerusi amalan-amalan kerohanian yang diterap dan diamalkan.

Dalam membincangkan amalan-amalan asas kerohanian yang perlu diterapkan kepada setiap diri manusia, karya Awang Nazarudin, Maimun Aqsha & Mohd Isa (2017) mengetengahkan elemen-elemen asas kerohanian yang terdiri daripada amalan solat, puasa, tilawah al-Quran, selawat, qiyamulail, doa, amalan bersedekah dan iktikaf di masjid sebagai amalan asas kerohanian yang diterapkan oleh pihak sekolah kepada pelajar. Dalam karya ini hanya sebilangan amalan asas kerohanian sahaja yang diuji, namun terdapat beberapa lagi amalan asas kerohanian yang dapat digunakan seperti zikrullah, zakat, wakaf, taubat dan perkara-perkara yang berlandaskan syariat yang membawa kepada kesempurnaan manusia bertingkah laku. Kesemua elemen asas kerohanian ini secara dasarnya mendidik hati dan jiwa manusia dalam bertingkah laku terhadap hubungan menegak antara manusia dengan Allah SWT dan hubungan mendatar manusia sesama manusia yang turut dikenali sebagai pemulihan hati dan jiwa.

Menurut Afandi Yusoff, Nik Mohd Rahimi & Harun Baharuddin (2020) pemulihan terhadap hati dan jiwa ini amat penting dalam merawat nafsu. *Riyadhah al-nafs*, *mujahadah al-nafs* dan *muqarabah al-nafs* merupakan latihan meningkatkan keyakinan diri, melawan nafsu dan mengawal diri setiap individu. Dengan latihan tersebut menjadikan manusia lebih bertaqwa kepada Allah SWT dan meninggalkan segala laranganNya termasuk berbuat baik sesama manusia dan makhluk. Melaksanakan segala amalan-amalan asas kerohanian itu merupakan latihan dalam mengawal hawa nafsu. Hal ini disebabkan manusia sering kalah dengan nafsu

yang ada dalam diri. Menurut Muhammad Syukri Salleh (2003), raja pemerintah diri manusia itu ialah kalbu manakala nafsu dan akal itu adalah rakyatnya. Apabila nafsu mengambil alih tempat pemerintahan kalbu, maka rosaklah diri manusia itu.

Hasil Dapatan

Pemantapan Amalan Asas Kerohanian

Seperti perbincangan lalu, amalan asas kerohanian ini merupakan suatu amalan yang melatih diri manusia dalam mengawal hati, perasaan, emosi dan akal sehingga melahirkan tingkah laku yang baik terhadap Allah SWT dan sesama manusia. Secara umumnya menjadikan manusia lebih beriman dan bertaqwa disamping menjaga hubungan *hablum miniallah* dan *hablum minannas* dalam kehidupan. Walaupun yang demikian, hasil dapatan dalam kertas kerja ini mendapati ianya bukanlah mudah untuk mendapatkan ketaqwaan dan tingkat keimanan yang tinggi tanpa adanya tiga aspek penting dalam memantapkan amalan asas kerohanian tersebut. Pertama dari aspek kefahaman ilmu, kedua aspek penghayatan dan ketiga aspek penerapan. Hal ini disebabkan kekuatan iman manusia boleh berubah-ubah dari semasa ke semasa jika ianya tidak diterapkan secara berterusan (*istiqomah*) (Zulkiple Abd. Ghani & Nor Salimah Abu Mansor, 2006).

Kefahaman Ilmu

Ilmu merupakan satu pelajaran yang diberi atau diterima oleh seseorang kepada seseorang yang lain dalam menempuhi kehidupan sama ada di dunia mahu pun di akhirat. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), ilmu adalah pengetahuan dalam perkara dunia, akhirat, zahir dan batin. Menurut Kamus Edualingo (2021) pula ilmu merujuk kepada kefahaman manusia terhadap sesuatu perkara, yang mana ia merupakan kefahaman yang sistematik dan diusahakan secara sedar. Menurut al-Ghazali (1997) pula menyatakan bahawa tanpa ilmu manusia akan bodoh dan tidak mengetahui arah hidup dalam perikehidupan disamping mendapat kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat namun ianya perlu diamalkan. Sesetengah ilmu itu kadangkalanya datang dari pengalaman seseorang dan juga daripada penciptaan alam itu sendiri. Sebagai contoh, seseorang yang tidak tahu mengenai bahayanya sengatan ular itu akan mengetahuinya apabila disengat ular tersebut. Hal ini juga sama seperti permulaan kehidupan nabi Adam AS yang melihat cara burung menanam burung lain yang mati sehingga hal itu dijadikan panduan dan pedoman dalam menguruskan jenazah pada masa ini.

Justeru itu, kepentingan aspek kefahaman ilmu ini amat penting sebelum menjadikan ianya sebagai suatu amalan dalam kehidupan terutama amalan asas kerohanian. Hal ini disebabkan sekiranya kesilapan dalam menuntut ilmu itu khasnya keraguan sumber ilmu yang diperolehi akan memberi kesan terhadap perlakuan dan tindakan manusia yang dikenali sebagai kesesatan (al-Ghazali, 1997).

Menurut Mohammad Zulfakhairi Mokhtar (2015) juga menyatakan bahawa kefahaman atau pengetahuan tentang sesuatu perkara menjadi faktor yang penting dalam menentukan niat dan tingkah laku. Tanpa ilmu manusia tidak tahu untuk menetapkan niat dan juga untuk melakukan apa-apa tindakan selainnya.

Awang Nazarudin, Maimun Aqsha & Mohd Isa (2017) turut menyatakan bahawa pengetahuan dan kefahaman sesuatu perkara itu khasnya ilmu Islam amat penting pada semua umat Islam agar ianya tidak tersasar atau terpengaruh dengan sistem-sistem palsu hingga membawa kepada kesesatan.

Penghayatan

Melihat kepada pengetahuan dan kefahaman tentang sesuatu ilmu itu, ianya masih tidak lengkap lagi sekiranya tidak disusuli dengan penghayatan ke atas ilmu tersebut. Menurut Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Profesor Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah di dalam teks perasmian Majlis Penyampaian Sijil Asasi Sains 2014/2015 yang dibacakan oleh timbalannya Profesor Madya Dr. Ismail Ali pada 27 Ogos 2015 menyatakan bahawa pendidikan dan penghayatan ilmu itu perlu sentiasa dimantapkan sepanjang hayat. Turut dinyatakan bahawa sesuatu kejayaan itu bukan sahaja sekadar melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi namun lebih bernilai sekiranya dapat dimanfaatkan kepada masyarakat sekeliling. Secara tidak langsung ianya mengarah kepada hubungan *hablum minannas*.

Karya Nur Najihah Ismail & Syed Hadzrullathfi Syed Omar (2017) turut menyatakan bahawa pengetahuan dan kefahaman terhadap sesuatu ilmu itu dituruti dengan penghayatan ke atas tujuannya akan wujud suatu rasa nikmat yang tiada tolok bandingannya berbanding tanpa penghayatan yang menjadikan ianya hanya sia-sia.

Menurut Azma (2006) pula, penghayatan ke atas agama Islam ialah pengakuran kepada ajaran Islam secara menyeluruh dan bersepadu dalam menjalani kehidupan sehingga sejajar keseluruhan aspek dalaman dan luaran diri insan dengan kehendak Islam.

Bagi maksud keseluruhan sub tajuk ini jelas menunjukkan bahawa sesuatu ilmu yang dipelajari perlu difahami terlebih dahulu sumber ilmu tersebut dan perlu adanya penghayatan terhadap ilmu yang dipelajari bagi mendapatkan amalan yang benar-benar berkesan dan memberi manfaat kepada diri sendiri sehingga ianya terkesan kepada masyarakat sekeliling dalam mencontohnya. Dalam mendapat kefahaman dan penghayatan terhadap sesuatu ilmu ini pula, aspek penerapan juga perlu difokuskan. Hal ini kerana manusia mudah dipengaruhi dengan hal-hal keduniaan sehingga mereka lalai dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan. Maka perlu adanya aspek penerapan dalam mencetus kepada kebertanggungjawaban tersebut.

Penerapan

Menurut Jusuf Sjarif Badudu & Sultan Mohammad Zain (2010) penerapan merupakan sebuah tindakan yang dilakukan, baik secara individu mahu pun kelompok dengan maksud untuk mencapai tujuan yang telah dirumuskan di mana secara bahasanya adalah hal, cara atau hasil.

Menurut Lukman Ali (2007) pula penerapan adalah mempraktikkan, memasang atau perlaksanaan manakala Riant Nugroho (2003) menerangkan bahawa penerapan adalah cara yang dilakukan agar dapat mencapai tujuan yang diinginkan. Selain itu, menurut Kamus Pelajar Bahasa Melayu (2017), menerangkan bahawa penerapan merupakan satu hal perbuatan menerap atau menerapkan sesuatu.

Sehubungan dengan itu, jelas menunjukkan bahawa penerapan merupakan sesuatu tindakan daripada seseorang individu atau kumpulan kepada individu atau kumpulan yang lain bagi mencapai sesuatu sasaran atau tujuan yang diinginkan. Hal ini secara umumnya berkait dengan kaedah atau pendekatan yang digunakan untuk mencapai sesuatu tujuan. Bagi maksud kertas kerja ini, maka penerapan itu perlu ada bagi mendapatkan keberkesanan terhadap kefahaman ilmu dan penghayatan terhadap ilmu yang diamalkan.

Dalam Islam terdapat beberapa pendekatan atau kaedah yang digunakan dalam penerapan khasnya penerapan amalan asas kerohanian. Antaranya dengan memberi nasihat, motivasi,

memberi hukuman dan denda, menegur kesalahan dan lain-lain lagi. Selain itu, pendekatan yang paling sering digunakan adalah pendekatan secara dakwah kerana ianya lebih benar-benar berkesan dan menyentuh hati dan perasaan manusia. Antara jenis-jenis dakwah yang ada seperti *dakwah al-Tarhib* dan *al-Tarhib*, *dakwah bil-Hal*, *dakwah bil-Mal*, *dakwah bil-Kutub*, *dakwah bil-Lisan*, *dakwah bil-Hikmah* dan banyak lagi yang melibatkan secara lisan, tindakan dan secara hikmah.

Kesemua pendekatan dakwah ini merupakan dakwah yang sering digunakan dalam menyentuh hati dan jiwa manusia namun yang paling sesuai dengan kertas kerja ini adalah dakwah *al-Tarhib* dan *al-Tarhib* di mana ianya berkaitan amaran dan dorongan. Hal ini kerana manusia itu sendiri sentiasa suka akan suatu dorongan dan takut akan gertakan atau amaran (Hamdan Abdullah, Fariza Md Sham & A'dawiyah Ismail, 2018).

Perbincangan

Dalam melihat perhubungan manusia pada masa ini amat membimbangkan. Seumpama tiada bimbingan agama yang diterapkan atau mungkin terlalu *extreme* dalam memperjuangkan syiar Islam sehingga tiada batasan dalam menyuarakan isu atau tuduhan. Hal ini secara tidak langsung akan memecah-belahkan dan memporak-perandakan hubungan sesama umat Islam. Disebabkan ingin memberi pandangan dan idea yang baik kepada masyarakat tetapi medium dan pendekatan yang digunakan tidak dipandang serius. Kehendak dan nafsu menjadi keutamaan ditambah pula dengan populariti.

Justeru itu, kertas kerja ini cuba melihat pendekatan yang boleh digunakan dalam memantapkan kerohanian diri menerusi amalan asas kerohanian Islam. Hal ini disebabkan nafsu, jiwa dan emosi manusia perlu dirawat, dilatih dan dihiasi dengan nilai-nilai murni menerusi amalan kerohanian. Hasil dapatan menunjukkan terdapat banyak amalan asas kerohanian Islam yang boleh diamalkan seperti solat, puasa, zikrullah, selawat, iktikaf, doa, zakat, wakaf dan lain-lain lagi. Walaupun demikian, dari sudut kefahaman dan penghayatannya perlu diperhalusi menerusi penerapan yang dibawakan agar ianya benar-benar berkesan dalam perlaksanaannya yang mencakupi dimensi akidah, ibadah dan akhlak sehingga memberikan kesan yang positif serta menambahkan tingkat keimanan dalam diri seseorang (Zulkiple Abd. Ghani & Nor Salimah Abu Mansor, 2006).

Secara umumnya, amalan asas kerohanian ini mendidik manusia terhadap tanggungjawab yang diamanahkan bagi mendapat keredhaan Allah SWT termasuk menjaga hubungan *hablum minallah* dan *hablum minannas*. Amalan asas kerohanian ini menjadikan manusia itu lebih tenang dalam menghadapi sesuatu cabaran dan tekanan; dapat mengawal emosi dan tingkah laku; lebih hormat-menghormati; beradab dalam tutur kata atau memberi pandangan; dan bijak dalam membuat keputusan disamping bertaqwa kepada Allah SWT. Dengan ketaqwaan yang tinggi akan mendorong manusia agar sentiasa memperbaiki ibadah, meningkatkan amalan dan dapat memperkukuhkan lagi tahap keimanan terhadap Allah SWT.

Menurut Nik Hasnah Ismail (2018), sifat taqwa ini mestilah dibina di atas landasan syariat yang suci di mana ianya berasaskan kepada solat, puasa, zakat dan haji manakala untuk mencapai tahap ketaqwaan itu perlunya lahir dari dalam diri manusia itu sendiri dengan nilai kerohanian yang tinggi terhadap Allah SWT. Natijah dari ketaqwaan ini akan menjadikan seseorang manusia dikurniakan cahaya kebaikan dan dengan cahaya itu akan memandu mereka untuk mencapai sebuah kehidupan yang baik di dunia dan di akhirat. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT menerusi surah al-Hadid ayat 28.

Terjemahannya:

“Hai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah dan berimanlah kepada Rasul-Nya, nescaya Allah memberikan dua bahagian daripada rahmat-Nya kepadamu dan menjadikan untukmu cahaya yang dengan cahaya itu kamu dapat berjalan dan Dia mengampuni kamu.”

(Surah al-Hadid: 28)

Kesimpulan

Amalan asas kerohanian merupakan amalan asas dalam ibadah iaitu amalan yang menguatkan rohani manusia. Tanpa kekuatan rohani, manusia sukar untuk melaksanakan ibadah-ibadah yang lebih hebat seperti menunaikan solat *Tahajud* di waktu sepertiga malam; solat sunat *Tasbeih* yang mengambil masa yang lama dalam melaksanakannya; mendirikan solat di awal waktu; puasa sunat pada setiap hari Isnin dan Khamis; menunaikan zakat; tuntutan korban setiap tahun dan lain-lain lagi.

Tanpa kekuatan rohani manusia akan sukar menerima ketentuan yang ditakdirkan oleh Allah SWT terutama di musim Covid-19 ini. Ramai yang terkesan dengan kehadiran *Pandemik* Covid-19 ini ditambah pula dengan penyebaran berita-berita palsu yang mencetuskan keadaan panik tanpa memikirkan kesan kepada masyarakat disamping berlakunya pemberhentian kerja, penutupan perniagaan, hutang yang tertunggak dan banyak lagi. Kesemuanya ini memberi tekanan dan kerisauan kepada masyarakat seluruh dunia sehingga ada yang mengambil langkah pendek dalam membuat keputusan membunuh diri dan sebagainya. Amat malang lagi apabila kejadian bunuh diri itu terdiri dalam kalangan masyarakat yang beragama Islam sedangkan ianya tergolong dalam salah satu dosa besar yang dinyatakan.

Semoga dengan kertas kerja ini dapat memberi sedikit panduan dan rujukan kepada mana-mana pihak dalam mencari penyelesaian ke atas pembentukan diri dan akhlak serta kaedah dalam mengawal dan menguruskan sendiri bagi menghadapi cabaran dan dugaan pada masa ini. Walaupun ini adalah antara usaha-usaha yang boleh dilaksanakan oleh mana-mana pihak atau individu, namun konsep tawakal itu perlu dihadirkan dalam diri kerana segala perubahan atau tindakan itu tidak mungkin diperolehi tanpa keizinan dan keredhaan Allah SWT.

Rujukan

- Adler, E.S., dan Clark, R. (2011). *An invitation to social research: How it's done* (4th Ed). Belmont, CA: Wadsworth, Cengage Learning.
- Afandi Yusoff, Nik Mohd Rahimi dan Harun Baharuddin. (2020). Amalan Kerohanian dan Kaitannya dengan Kebimbangan Bahasa dalam kalangan Penuntut Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Malaysia. *ISLAMIYYAT* 42(1) 2020: 57- 63, daripada <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2020-4201-07>
- al-Ghazali. (1997). *Ihya Ulumuddin*, Juz, 1 Terj. Abdullah bin Nuh. Semarang: Toha Putra.
- al-Ghazali, Abu Hamid dan Muhammad Ahmad. (2000). *Ihya' ulum al-Din*. Kaherah: Dar al-Taqwa li al-Turath.
- Ahmad Zabidi Abdul Razak. (2006). Ciri iklim sekolah berkesan: Implikasinya terhadap motivasi pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 31. Pp 3-19. ISSN 0126-6020/2180-0782
- Awang Nazarudin Awang Drahdman, Maimun Aqsha Abidin Lubis dan Mohd Isa Hamzah. (2017). Amalan Kerohanian Membentuk Disiplin Pelajar. Simposium Pendidikan diPeribadikan: Perspektif Risalah An-Nur (SPRiN2017).

- Azma Mahmood. (2006). Pengukuran tahap penghayatan pendidikan Islam pelajar-pelajar sekolah menengah di Malaysia. *Tesis PhD*. Bangi: Fakulti Pendidikan, UKM.
- Che Zarina Saari & Joni Tamkin Borhan. (2003). *Pembangunan Ekonomi Masjid Dlm. Norrodzoh Siren & Yusmini Md. Yusof (Penyt.), Membangun institusi masjid*. Petaling Jaya: Intel Multimedia & Publication.
- Cohen, L. Manion, L & Morrison, K. (1996). *A guide to teaching practice 4th edition*. New York: Routledge.
- David E. McNabb. (2013). *Research Methods in Public Administration and Nonprofit Management: Quantitative and Qualitative Approaches*. M.E. Sharpe. Armonk, New York: London, England.
- Dawson, C. (2002). *Practical research methods*. Oxford United Kingdom: How to Books Ltd.
- Hornby, Albert Sydney et. al. (1980). *Kamus Progresif Ingggris -Melayu*, cet. Ke 4, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, h. 186.
- Jusuf Sjarif Badudu & Sultan Mohammad Zain. (2010). *Efektifitas Bahasa Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Kamus Dewan. (2007). Edisi keempat. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Educalingo. (2021) *Asas* [online]. Diakses pada 10 Julai 2021, daripada <https://educalingo.com/ms/dic-ms/asas>
- Kamus Pelajar Bahasa Melayu. (2017). Edisi Kedua, Dewan Bahasa dan Pustaka 2008-2017. Kuala Lumpur.
- Lukman Ali. (2007). *Kamus Lengkap Bahasa Indonesia*. Surabaya: Apollo.
- Mohammad Zulfakhairi Mokhtar. (2015). *Konsep Niat dalam Tingkah Laku Berteraskan Islam Dan Faktor-faktor Mempengaruhi Niat Untuk Berwakaf Tunai Dalam Kalangan Staf Muslim Universiti Sains Malaysia (USM)*. Disertasi Sarjana. Pulau Pinang: Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam. Universiti Sains Malaysia.
- Mohamed Hamdan Abdullah, Fariza Md. Sham dan A'dawiyah Ismail. (2018). *Pendekatan Motivasi Dalam Dakwah Remaja*. Jurnal Hadhari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM): Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Syukri Salleh. (2003). *7 Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Zebra Edition Sdn. Bhd. Pulau Pinang: Projek Pembangunan Pengurusan Pembangunan Islam, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Zulkarnain. (2021, 30 April). *Rentas negeri sambut Aidilfitri hukumnya haram: Mufti WP*. *Sinar Harian Online*. Diakses pada 14 Julai 2021, daripada: www.sinarharian.com.my/ampArticle/136259?espv=1
- Najib Razak. (2017, 30 Jun). *Aspirasi #TN50 Tentang Keagamaan & Kerohanian*. Blog *NajibRazak.Com*. Diakses pada 18 Julai 2021 daripada: www.najibrzak.com/aspirasi-tn50-tentang-keagamaan-kerohanian/
- Nik Hasnah Ismail. (2018, Mei 18). *Bertaqwa dalam Islam*. IKIM Inspirasi Inforia Islami. *Ikimfm.my*. Diakses pada 2 Ogos 2021, daripada: <https://ikimfm.my/bertaqwa-dalam-islam/>
- Norhayati Paradi. (2014, 27 November). *Agama: Konsep ibadah tunjang agama*. Berita Harian Online. Diakses pada 12 Julai 2021, daripada <https://www.bharian.com.my/amp/taxonomy/term/61/2014/11/19996/agama-konsep-ibadah-tunjang-agama>
- Nur Najihah Ismail dan Syed Hadzrullathfi Syed Omar. (2017). *Kerohanian Islam: Penghayatan Dari Sudut Amalannya*. Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization. Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).
- Riant Nughor. (2003). *Prinsip Penerapan Pembelajaran*. Jakarta: Balai Pustaka.

- Rohaniza Idris. (2020, 8 Mac). Jangan cetus panik dengan berita palsu COVID-19. Berita Harian Online. Diakses pada 14 Julai 2021, daripada: www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2020/03/663215/jangan-cetus-panik-dengan-berita-palsu-covid-19?espv=1
- Sulaiman Masri. (2005). Kaedah penyelidikan dan panduan penulisan. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- W.H.O (World Health Organization). (2020, 8 September). *The New Normal*. W.H.O Websites. Diakses pada 15 Julai 2021, daripada www.who.int/malaysia/emergencies/covid-19-in-malaysia/-informantion/the-new-normal
- Zulkiple Abd. Ghani dan Nor Salimah Abu Mansor. (2006). Penghayatan agama sebagai asas pembangunan pelajar: analisis terhadap beberapa pandangan al-Imam al-Ghazali. In: National Student Development Conference (NASDEC) 2006, 8-9 August 2006, Kuala Lumpur, Malaysia.